



KENYATAAN MEDIA

HAMPIR 34,300 PELUANG PEKERJAAN DITAWARKAN MENERUSI PROGRAM KERJAYA UP

1. **Program Kerjaya UP** (*Urban Poor*) yang dijalankan di 10 negeri sejak 1 April, berakhir pada hari ini (12 April 2021) dengan **34,283 peluang pekerjaan** ditawarkan oleh **164 majikan** yang mengambil bahagian. Peluang-peluang pekerjaan ini adalah dari kedua-dua sektor formal dan tidak formal.
2. Ini termasuk Kerjaya UP yang diadakan di **Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur** hari ini yang menyaksikan **10,592 jawatan kosong** disediakan oleh **39 majikan**. Ia merupakan lokasi terbesar dalam jelajah Program Kerjaya UP.
3. Kementerian Sumber Manusia (KSM), menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), menganjurkan Program Kerjaya UP sebagai menyahut saranan YAB Perdana Menteri tidak lama dahulu, agar masalah pengangguran dalam kalangan rentan bandar ini ditangani dengan segera.
4. Selain daripada temu duga kerja oleh majikan, Program Kerjaya UP juga menyediakan perkhidmatan **kaunseling kerjaya, klinik penghasilan resume dan temu duga, kaunter sesi pendaftaran perniagaan (SSM), khidmat nasihat keusahawanan & kewangan, latihan kerjaya dan pendaftaran e-Kasih**.
5. Program Kerjaya UP yang diadakan di **Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur** adalah susulan daripada sesi profiling PERKESO yang dijalankan di 23 lokasi Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang pada bulan Mac 2021.
6. Dalam Program Profiling tersebut, Kaunselor Kerjaya PERKESO telah melawat 23 PA/PPR untuk melaksanakan sesi profiling menerusi temu duga dengan 789 individu. Daripada mereka yang telah diprofil, didapati **lebih 50 peratus yang sedang menganggur di kawasan-kawasan ini adalah dari kalangan belia**.
7. Isu pekerjaan termasuk **jenis pekerjaan dan padanan pekerjaan yang sesuai** adalah salah satu keperluan utama golongan mudah terjejas yang dikenal pasti oleh Program Profiling PERKESO ini.

8. Program Kerjaya UP di Pusat Komuniti Setiawangsa ini menyediakan **pengangkutan percuma dari beberapa lokasi terpilih** untuk pencari kerja yang memerlukan bantuan pengangkutan.
9. KSM menyeru semua pencari kerja dan mereka yang masih menganggur dari golongan mudah terjejas dan B40 di kawasan-kawasan bandar menggunakan peluang ini untuk memperoleh pekerjaan demi kelangsungan hidup masing-masing dan keluarga.
10. Mereka yang berminat untuk menyertai Kerjaya UP, boleh hadir program tersebut secara “walk-in” atau mendaftar di <https://careerfair.perkeso.gov.my/>.
11. Bagi majikan yang mengambil bahagian dalam Program Kerjaya UP, mereka boleh menerima insentif pengambilan pekerja yang disediakan oleh PERKESO menerusi **Program PenjanaKerjaya**.
12. **Insentif PenjanaKerjaya sehingga RM6,000 sebulan** disediakan bagi majikan yang mengambil pekerja dari **kategori mudah terjejas** dan **hingga RM4,000 sebulan** untuk majikan yang mengambil pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing di bawah **kategori Malaysianisation**.
13. Program Kerjaya UP juga memperlihatkan insiatif-inisiatif pekerjaan yang dilaksanakan PERKESO bersama agensi-agensi lain seperti Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Protege di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Skim Perantisan Nasional di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dan juga Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) di bawah KSM.
14. KSM menyokong penuh cadangan PERKESO untuk mengadakan banyak lagi program pasaran buruh aktif seperti Kerjaya UP di 54 cawangan PERKESO di seluruh negara kerana ini dapat merancakkan pasaran buruh negara dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi Malaysia.
15. Selain daripada Program Kerjaya UP, semua pencari kerja di seluruh negara boleh mendaftar di portal pekerjaan nasional **MYFutureJobs** di mana terdapat lebih 190,000 kekosongan jawatan aktif yang sedia diisi. Sehingga kini pada tahun ini, inisiatif PenjanaKerjaya dan MyfutureJobs yang diuruskan oleh PERKESO, telah berjaya mendapatkan pekerjaan kepada lebih 48,000 individu.

16. Maklumat lanjut berkenaan Kerjaya UP dan lain-lain program boleh diperolehi menerusi laman sosial rasmi @PERKESOOOfficial di Instagram, Facebook dan Twitter atau layari www.perkeso.gov.my atau hubungi PERKESO di talian 1300 22 8000.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
12 April 2021